



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26/2/2013

Bekas Perdana Menteri nafi dakwaan pemberian kontrak Petronas kepada anak

Saya tidak terlibat - Dr. M

UM-26/2/2013

KUALA LUMPUR 25 Feb. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan beliau sama sekali tidak terlibat dalam membuat keputusan berhubung dakwaan pemberian kontrak Petronas kepada anaknya.

Malah, bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau cuma diberitahu oleh Presiden Petronas selepas kontrak itu diberikan dan beliau sanggup bersumpah di dalam masjid dengan menjunjung al-Quran berhubung perkara itu.

"Ketua Pembangkang Datuk Seri) Anwar Ibrahim menuduh saya, sebagai penasihat Petronas telah terlibat dalam pemberian kontrak Petronas kepada anak saya.

"Bagi Anwar, inilah yang biasa dilakukan olehnya jika ia berkuasa.

Semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan memang pun banyak kontrak diberi olehnya kepada penyokong politiknya dan keluarganya.

"Kementerian telah mempamerkan semasa Mesyuarat Agung UMNO senarai orang yang mendapat kontrak semasa ia berkuasa. Terdapat dalam senarai nama penyokongnya dan keluarganya. Tidak ada satu pun dari anak saya yang tersenarai," katanya dalam entri terbaharu blognya, www.chedet.cc.

Dr. Mahathir berkata, walaupun digelar sebagai penasihat Petronas, beliau



DR. MAHATHIR

tidak memberi apa-apa nasihat kepada syarikat itu.

"Petronas diletak di bawah Perdana Menteri dan Perdana Menteri yang memberi arahan kepada Petronas. Semasa saya jadi Perdana Menteri pun saya tidak memberi apa-apa bantuan kepada anak-anak saya," katanya.

Katanya, tiada seorang pun anaknya mendapat tempat dalam kerajaan atau dalam parti ketika beliau sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Dr. Mahathir menjelaskan beberapa kali nama mereka dicalonkan tetapi tidak membenarkannya sehingga beliau bersara, begitu juga

tiada kontrak kerajaan yang mereka peroleh.

"Jika mereka berjaya sama ada dalam perniagaan atau politik, ini adalah atas usaha mereka sendiri. Dan ini semua berlaku selepas saya letak jawatan Perdana Menteri," katanya.

Dr. Mahathir berkata, Petronas tidak memberi peluang kepada anaknya sahaja ketika beliau menjadi penasihatnya dan orang lain juga mendapat peluang jika mereka ada kemampuan.

Sebaliknya Anwar, katanya apabila menubuh partinya melantik isterinya sebagai Presiden, sebagai calon di Permatang Pauh dan kemudian menyuruh isterinya melepaskan kawasan untuk ditandingi-

nya.

"Tidak ada bukti adanya pertandingan untuk jawatan penasihat parti yang disandang olehnya. Dia juga memilih anaknya untuk menjadi calon dalam pilihan raya.

"Sekarang isterinya jadi presiden parti dan anaknya jadi naib presiden parti. Kawannya juga jadi timbalan. Parti Keadilan adalah milik Anwar Ibrahim," katanya.

"Jika anak dan isteri Anwar boleh menjadi politikus, apakah anak saya tak boleh berniaga sendiri tanpa difitnah oleh Anwar?"

"Kenapa begitu takut bersumpah jika jenayah liwat tidak dilakukan. Berani kerana benar, takut kerana salah - demikian pepatah Melayu," katanya. - BERNAMA